

# LAPORAN PERSIDANGAN

## PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA MESYUARAT PERTAMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

---

**Tarikh** : 30 April 2012 (Isnin)  
**Masa** : 9.30 Pagi  
**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, Pulau Pinang

---

#### HADIR

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain	Speaker
2	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3	Y.B. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
4	Y.B. Dato' Faiza Binti Zulkifli	Penasihat Undang-undang Negeri
5	Y.B. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri
6	Y.B. Dato' Mansor Bin Haji Othman	Timbalan Ketua Menteri I/ Penanti
7	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
8	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9	Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
10	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
12	Y.B. Tuan Phee Boon Poh	Sungai Puyu
13	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
14	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
15	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
16	Y.B. Dato' Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/ Machang Bubuk

17	Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
18	Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee, AMN	Sungai Bakap
19	Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady	Bagan Dalam
20	Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
21	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar
22	Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
23	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
24	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat
25	Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
26	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
27	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Bukit Tengah
28	Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
29	Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji	Seri Delima
30	Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
31	Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
32	Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
33	Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam	Batu Uban
34	Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim	Penaga
35	Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya	Telok Bahang
36	Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
37	Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad	Bayan Lepas
38	Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed	Sungai Dua
39	Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai
40	Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah	Seberang Jaya
41	Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya	Permatang Berangan
42	Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
43	Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
44	Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab	Bertam

#### **TURUT HADIR**

Encik Md Puat bin Romli - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

***Dewan mula bersidang pada jam 9.50 Pagi.***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Bacaan Doa.

Pengumuman oleh Y.B. Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah menetapkan hari ini 30hb. April 2012 sebagai hari permulaan Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ke-12 melalui perisytiharan yang bertarikh 2hb. Mac 2012 yang diwartakan pada 15hb. Mac 2012. Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Berbahagia Toh Puan akan tiba di Dewan ini sebentar lagi untuk menyampaikan ucapan kepada Dewan.

**Setiausaha:**

Ketibaan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan.

**Ucapan Oleh Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.  
Bismillahirrahmanirrahim*

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain  
Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng  
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Mansor bin Haji Othman  
Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Profesor Dr. P. masamy a/l Palanisamy  
Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri

Yang Berbahagia Dato' Seri-Dato'Seri dan Datin Seri-Datin Seri

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

*Alhamdulillah*, ingin saya merafakkan kesyukuran ke hadrat *Allah Subhanahu Wa Ta'ala* kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua pada hari ini, dapat saya menyampaikan ucapan di majlis yang mulia ini, bersempena Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Yang Kelima, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua Belas.

Saya ingin melahirkan kesyukuran dan kegembiraan memperlihatkan keadaan yang aman dan makmur di seluruh negara amnya dan Negeri Pulau Pinang khususnya. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, penjawat awam dan pasukan keselamatan di atas usaha yang gigih dan berterusan bagi memajukan Pulau Pinang serta mengekalkan keamanan walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran.

## **EKONOMI DAN PEMBANGUNAN NEGERI**

Ekonomi Malaysia bagi tahun 2012 dijangka berkembang kukuh berbanding dengan pertumbuhan 5.2% yang dicatatkan pada suku keempat tahun 2011. Bagi Pulau Pinang, ekonomi Negeri ini bagi tahun 2012 diunjurkan berkembang 6.3% dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan sebagai penyumbang utama. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyeimbangkan kedua-dua sektor pembuatan dan pelancongan yang pada ketika ini, masing-masing menyumbang sebanyak 52% dan 39% kepada KDNK Negeri pada tahun 2010. Dengan struktur ekonomi yang lebih seimbang akan membantu mengurangkan kesan ketidakstabilan dalam persaingan pasaran dunia.

Bagi tujuan mengekalkan pembangunan Negeri ke arah sebuah ekonomi berpengetahuan yang berpendapatan tinggi dan mapan, peruntukan pembangunan berjumlah RM332.93 juta telah disediakan pada tahun 2012, melibatkan pelaksanaan sebanyak 669 projek berbanding peruntukan tahun 2011 yang berjumlah RM294.95 juta. Pertambahan sebanyak 12.87% jelas menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan transformasi ke arah sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan pintar dapat dicapai.

## **PEMBANGUNAN INDUSTRI DAN PELABURAN**

Pada tahun 2011, Negeri Pulau Pinang telah dapat menarik jumlah pelaburan sektor pembuatan yang paling tinggi iaitu sebanyak RM9.1 bilion melebihi sasaran RM6.1 bilion dengan pelaburan asing sebanyak 21%. Inilah tahun kedua secara berturut-turut Pulau Pinang menjadi jaguh pelaburan Malaysia selepas mencatat kejayaan ini dalam tahun 2010. Kejayaan ini didokong oleh kepimpinan berintegriti, urus tadbir yang cekap, akauntabiliti dan telus, tumpuan kepada pembangunan infrastruktur dan kemudahan logistik yang baik serta pengukuhan kapasiti modal insan dalam sektor-sektor kritikal. Di samping itu, penyediaan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan juga telah memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur untuk melabur di Pulau Pinang.

Usaha Kerajaan Negeri melalui Halal Penang dalam membangunkan industri halal di Pulau Pinang harus diberi pujian. Sejak tahun 2008, sejumlah RM395 juta pelaburan telah berjaya dibawa masuk ke Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang di Bukit Minyak yang meliputi keluasan tanah 46 ekar. Jumlah pemegang sijil halal Malaysia juga telah meningkat setiap tahun iaitu dari 55 syarikat pada 2008 kepada 324 syarikat hingga Januari 2012. Kerajaan Negeri juga telah berjaya menganjurkan *Penang International Halal Expo and Conference 2012* yang kini sudah memasuki tahun ketiga penganjurannya serta berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan.

## **PENGANGKUTAN DAN PENGURUSAN LALU LINTAS**

Kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA) bagi menjalankan Kajian Pelan Induk Pengangkutan dan Kajian Pengangkutan Air dijangka siap sepenuhnya pada bulan Jun 2012. Hasil kajian yang holistik dan menyeluruh ini, diyakini dapat menilai punca sebenar isu kesesakan di samping dapat meneliti pendekatan-pendekatan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas serta menambah baik dan mengintegrasikan sistem pengangkutan awam secara lebih cekap dan berkesan.

Tiga pendekatan umum untuk menyelesaikan isu-isu pengangkutan dicadangkan termasuk:

- (i) menambah baik sistem jalan raya yang merangkumi penambahbaikan jalan raya sedia ada dan memperkenalkan pakej jalan raya yang baru sepertimana dicadangkan oleh Kerajaan Negeri, antaranya adalah jalan berkembar Batu Feringghi (Paired Road Batu Feringghi), Cross City Link, Penang Outer Bypass dan Terowong Dasar Laut (Sea Tunnel);
- (ii) memperbaiki sistem pengangkutan awam yang menitikberatkan penambahbaikan perkhidmatan bas, teksi, feri dan juga memperkenalkan perkhidmatan *trams*; dan
- (iii) pengenalan kepada polisi atau dasar untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

Kesemua pendekatan yang dicadangkan akan dilaksanakan secara berfasa. Pendekatan ini diterjemahkan kepada strategi teras (sehingga 2020) dan juga strategi jangka masa panjang (sehingga 2030). Strategi jangka masa panjang pula dirancang untuk pelaksanaan sehingga tahun 2030. Strategi jangka masa panjang ini merangkumi dua wawasan. Wawasan (visi) yang pertama adalah menangani isu-isu kesesakan lalu lintas dengan membina jalan raya baru. Anggaran kos kepada wawasan ini termasuk strategi teras adalah RM12.5 bilion. Manakala wawasan (visi) kedua adalah menangani isu dengan pendekatan yang lebih seimbang iaitu dengan menambah baik sistem pengangkutan awam, pembinaan jalan baru tetapi dalam skala yang lebih terhad dan juga pengenalan kepada dasar atau polisi untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam. Anggaran kos untuk melaksanakan wawasan ini adalah RM13.5 bilion. Walau bagaimanapun, wawasan ini memerlukan sokongan daripada Kerajaan Persekutuan.

Sekiranya Kerajaan Negeri masih tidak diberikan kuasa menguruskan pengangkutan awam, maka wawasan tersebut tidak dapat dikecapi. Dengan itu, Kerajaan Negeri bercadang membina empat (4) lebuh raya utama seperti berikut akan dilaksanakan secara penswastaaan melibatkan kos di antara RM5 hingga RM8 bilion iaitu:

- (i) Pembinaan terowong dasar laut menghubungkan Persiaran Gurney dan Bagan Ajam;
- (ii) Pembinaan terowong dari Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Bandar Air Itam;

- (iv) Projek Lingkaran Dalaman Georgetown melibatkan pembinaan jalan bertingkat dan terowong bermula dari Persiaran Gurney melalui Jalan Pangkor, Jalan Kelawai, Jalan Sultan Ahmad Shah, Jalan Perak dan Jalan Sungai Pinang hingga ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu; dan
- (v) Projek Jalan Berkembar Tanjung Bunga ke Telok Bahang.

## **KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR**

Bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang Negeri bertaraf antarabangsa, kemudahan infrastruktur perlu diberi keutamaan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM41.6 juta pada tahun 2012 untuk kerja-kerja menaik taraf dan membina jalan raya yang baru. Ini merupakan peningkatan sebanyak tiga kali ganda berbanding peruntukan sebanyak RM10.25 juta pada tahun 2007. Antara projek mega yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2012 ialah Projek Pelebaran dan Menaik Taraf Jalan dan Jambatan di Jalan Song Ban Kheng, Bukit Mertajam dari dua (2) lorong kepada empat (4) lorong sepanjang 2.8 kilometer, pembinaan dua (2) buah jambatan dan pemasangan lampu jalan serta lampu isyarat dengan kos keseluruhan RM20.4 juta.

## **USAHA MENGATASI BANJIR**

Kerajaan Negeri memandang serius mengenai pelaksanaan projek pembangunan bagi memastikan bencana banjir dapat dielakkan atau sekurang-kurangnya dapat meminimumkan kerosakan akibat bencana berkenaan. Sebagai usaha mengurangkan masalah banjir, peruntukan sebanyak RM16.15 juta telah disediakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2012 untuk membiayai projek-projek yang berkaitan.

## **PEMBANGUNAN PELANCONGAN**

Sektor pelancongan berkembang dengan pesat di Pulau Pinang yang dicerminkan oleh pertumbuhan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa yang paling tinggi di Malaysia untuk dua (2) tahun berturut-turut iaitu 25% pada 2010 dan 12% pada 2011. Penambahan bilangan penerbangan oleh syarikat penerbangan akan merancakkan kemasukan pelawat asing. Usaha Kerajaan Negeri melalui Inisiatif Penjenamaan Pulau Pinang (State Branding Initiative) merupakan satu langkah yang positif untuk menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang. Pelbagai program dan aktiviti pelancongan telah dilaksanakan, iaitu melalui penyertaan dalam pameran dan ekspo antarabangsa, penerbitan buku dan DVD MICE (Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions), kemudahan peta perjalanan (Walkabout Map)

dan menyediakan pusat maklumat pelancong.

Kerajaan Negeri juga telah merancang untuk menarik pelaburan sektor swasta dalam produk-produk pelancongan baru iaitu Projek The Escape di Teluk Bahang, aktiviti pelancongan tahunan seperti World Music Festival dan Penang George Town World Heritage Festival. Di samping itu, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk menganjurkan Penang Festival of Lights dengan sokongan pihak swasta untuk mempromosikan industri LED dan solar.

Peruntukan sebanyak RM8.8 juta telah disediakan pada tahun 2012 untuk memberikan nafas baru bagi mewujudkan suasana ekopelancongan di Bukit Bendera. Malah Kerajaan Negeri juga telah meluluskan pelaksanaan Projek Titian Silara (Canopy Walk) sebanyak RM3 juta secara usaha sama dengan pihak swasta yang dijalankan secara tender terbuka di Bukit Bendera. Kemudahan rekreasi ini yang bertaraf antarabangsa bukan sahaja akan menjadi daya tarikan baru Bukit Bendera tetapi juga akan membolehkan pengunjung menikmati keindahan alam sekitar melalui penggunaan titian silara.

Mempromosikan sektor pelancongan warisan juga menjadi salah satu agenda Kerajaan Negeri di dalam memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Justeru, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Integrated Heritage Database System Fasa Dua, menaik taraf Pusat Sumber George Town World Heritage Incorporated, membangunkan Projek Digital Dimension of George Town World Heritage Site dan penganjuran program tahunan Sambutan Perayaan George Town Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Kawasan ekopelancongan sedia ada akan terus ditambah baik bagi membolehkan kawasan tersebut menjadi pilihan pelancong tempatan dan luar negara. Bagi menyelesaikan masalah pencemaran kencing tikus di Teluk Bahang dan Bukit Panchor, peruntukan sebanyak RM1.6 juta telah disalurkan kepada Jabatan Perhutanan bagi menaik taraf sistem saliran sedia ada di kawasan berkenaan.

Taman Botani Pulau Pinang merupakan salah satu produk pelancongan yang tertua di Pulau Pinang dan negara ini dengan keluasan yang bertambah dari 72 ekar kepada 598 ekar. Kerajaan Negeri telah menjemput masyarakat awam memberi pandangan mengenai draf Rancangan Kawasan Khas Taman Botani yang telah dipamerkan selama empat (4) minggu mulai 18 Januari 2012 hingga 15 Februari 2012 yang lalu. Peruntukan sebanyak RM1.63 juta telah disediakan bagi menaik taraf kemudahan infrastruktur, penyediaan landskap serta penceriaan di Taman Botani pada tahun ini.



Peratusan pengunjung di Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang telah meningkat dengan jumlah pengunjung seramai 77,505 orang pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 iaitu 68,227 orang. Bagi menjadikan Muzium Negeri sebagai destinasi wajib pelancong, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.02 juta pada tahun 2012.

## **PEMBANGUNAN PERTANIAN DAN ASAS TANI**

Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pertanian Pulau Pinang atas kejayaan mencatatkan pengeluaran padi tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 5.4 tan metrik per hektar pada tahun 2011. Bagi tahun 2012, Kerajaan Negeri mensasarkan pengeluaran padi mencapai purata 6.5 tan metrik per hektar. Kini, program-program yang telah dilaksanakan ialah Sistem Pengembangan Teknologi Pertanian, penerapan Amalan Pertanian Baik, penubuhan Zon Pemprosesan Makanan dan penjenamaan semula produk-produk berasaskan buah pala.

Pengeluaran ikan hiasan juga dijangka meningkat pada tahun 2012 sebanyak 50% kepada 600,000 ekor dengan nilai pasaran RM5 juta berbanding tahun 2011 iaitu 400,000 ekor. Justeru, Kerajaan Negeri merancang untuk membina sebuah pusat kuarantin dan biosekuriti ikan hiasan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Juru melalui Public-Private Partnership selaras dengan status Pulau Pinang sebagai sebuah negeri pengeksport bagi ikan hiasan *species discus*.

Dalam sektor ternakan, peruntukan sebanyak RM2.85 juta telah disediakan pada tahun 2012 dengan tumpuan diberikan ke atas pembangunan industri ternakan dan kawalan pencemaran sisa kumbahan ternakan. Dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai pengeluar utama produk sarang burung walit di negara ini, Kerajaan Negeri telah menjalankan pendaftaran dan pengenalan premis burung walit menggunakan sistem pengesanan pantas yang dikenali sebagai *Rapid Finding Identification Device*.

Kerajaan Negeri telah membangunkan Zon Industri Akuakultur di Penaga seluas 204 hektar melibatkan pelaksanaan projek ternakan dan pembenihan ikan air payau. Sebanyak 39,173 tan metrik pengeluaran ikan daripada aktiviti akuakultur dengan anggaran nilai sebanyak RM454.58 juta berjaya dihasilkan pada tahun 2011. Pengeluaran akuakultur Negeri Pulau Pinang dijangka meningkat sebanyak 45,000 tan metrik pada tahun ini.

Dalam usaha menguruskan sumber perikanan secara lebih meluas, beberapa program telah berjaya dilaksanakan iaitu Program Pemuliharaan Sumber Perikanan Marin. Sebanyak 112 unit tukun tiruan telah dilabuhkan di perairan Pulau Kendi, Pulau Rimau dan Muka Head sepanjang tahun 2008

hingga 2011. Purata pendapatan nelayan dianggarkan meningkat sehingga tiga kali ganda pada tahun 2011. Penubuhan Pusat Konservasi Penyu Pantai Kerachut juga kini menjadi salah satu tarikan eko-pelancongan yang terkenal di Pulau Pinang apabila menerima kunjungan pelancong seramai 25,809 orang pada tahun 2011.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

## **MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN**

Kerajaan Negeri menerima hakikat pembangunan pendidikan begitu penting bagi melahirkan modal insan terlatih agar dapat bersaing di pentas antarabangsa. Selain daripada penubuhan Majlis Sains Pulau Pinang, suatu Projek Penang Tech Centre dengan peruntukan sebanyak RM20 juta akan dibangunkan di Dewan Tunku, KOMTAR dengan keluasan 15,000 kaki persegi. Projek ini akan dijalankan secara usaha sama dengan pihak swasta dan industri. Kerajaan Negeri akan terus berusaha membangunkan Hab Pendidikan Cemerlang Pulau Pinang di Balik Pulau dengan minat oleh universiti bertaraf antarabangsa yang juga didokong oleh Kerajaan Persekutuan.

## **PERUMAHAN**

Bagi memastikan golongan tidak berada mampu memiliki rumah berkualiti, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM500 juta hasil daripada penjualan secara tender terbuka tanah di Bayan Mutiara. Tabung Rumah Mampu Milik RM500 juta ini akan membolehkan rumah mampu milik dibina bukan sahaja di Seberang Perai tetapi juga di kawasan kepulauan. Projek ini yang dilaksanakan di kawasan seluas 200 ekar di Batu Kawan melibatkan pembinaan 11,800 unit apartmen mampu milik. Projek ini mencapai hasrat Kerajaan Negeri membekalkan rumah mampu milik dalam persekitaran baik dengan padang bola sepak dan taman rekreasi. Demi memastikan rakyat Pulau Pinang boleh hidup dengan bermaruah dalam rumah dan bukan sebuah kotak, Kerajaan Negeri telah melantik HDB Singapura iaitu pembina rumah mampu milik di dunia.

Di samping itu, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tanah seluas 77 ekar di bawah Fasa 1 yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, MPPP dan MPSP untuk membina rumah mampu milik. Selain daripada projek perumahan Batu Kawan yang akan membina 12,000 unit rumah, Tabung Rumah Mampu Milik dijangka membina lebih 6,000 unit rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk di kawasan kepulauan. Keluasan tanah kerajaan yang terlibat adalah 29 ekar di Seberang Perai Utara (SPU), 32 ekar di Seberang Perai Tengah (SPT), 10 ekar di Daerah Timur Laut (DTL) dan 6 ekar di Daerah Barat Daya (DBD). Fasa 2 yang melibatkan keluasan tanah yang lebih besar

akan diumumkan kemudian.

Bagi tahun 2012, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan proses pengemaskinian maklumat pemohon rumah kos rendah dan kos sederhana rendah bagi pemohon yang berdaftar sebelum tahun 2008. Ini bagi memastikan maklumat diri pemohon adalah terkini dan tepat, sebelum sesuatu tawaran rumah boleh ditawarkan kepada pemohon. Proses pengemaskinian ini telah selesai dilaksanakan pada 31hb. Mac 2012 melibatkan seramai 904 pemohon.

Bagi membantu golongan miskin, Orang Kelainan Upaya (OKU), ibu tunggal dan warga emas mendapatkan tempat kediaman yang murah, selamat dan selesa, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk membaiki 77 unit rumah sewa di Padang Tembak. Selain daripada itu, sebanyak 40 unit rumah sewa di Pangsapuri Pelangi, Lebuhr Macallum telah dibaik pulih bagi menempatkan golongan yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah serta sebagai penempatan sementara kepada mangsa bencana atau mangsa perpindahan.

Melalui Bajet Kerajaan Berjiwa Rakyat Tahun 2012, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM18.35 juta untuk projek-projek baru dan sambungan bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan ke atas semua Rancangan Perumahan Kerajaan Negeri. Kerja-kerja ini meliputi antara lain membaiki kebocoran bumbung di Rancangan Perumahan Taman Free School, Taman Tun Sardon dan Rumah Pangsa Nibong Tebal, membaiki sistem pembentungan di Rancangan Perumahan Jawi I dan II dan Valdor, pendawaian semula elektrik di Rancangan Perumahan Batu Lancang, Paya Terubong, Mak Mandin Hijau dan Jalan Mohd Saad.

## **KEBAJIKAN, KESIHATAN DAN KEMISKINAN SIFAR**

Sebagai sebuah Kerajaan Berjiwa Rakyat, penekanan khas diberikan kepada aspek kebajikan, kesihatan dan juga usaha membasmi kemiskinan di seluruh Negeri ini. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sejumlah RM27 juta pada tahun 2012 sebagai pemberian bantuan kebajikan, bayaran wang ehsan dan penghargaan kepada warga emas, pelajar IPTA, sekolah rendah dan menengah, bantuan kepada OKU, ibu tunggal dan penghargaan anak emas.

Negeri Pulau Pinang telah menjadi negeri pertama untuk membasmi kemiskinan tegar sejak 30 Mac 2009 melalui pemberian bantuan kewangan. Sehingga akhir tahun 2011, sejumlah RM6.32 juta telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Mulai tahun 2012, Kerajaan Negeri telah menaikkan pendapatan minimum keluarga di Pulau Pinang daripada RM500.00 sebulan kepada RM600.00 sebulan, jauh melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan

(PGK) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak RM430.00. Peningkatan dalam pemberian ini melibatkan perbelanjaan berjumlah RM10 juta setahun untuk memastikan tidak ada masalah miskin tegar di Pulau Pinang.

Saya berbangga dengan keprihatinan Kerajaan Negeri melaksanakan Program Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin. Ini terbukti apabila 91 buah rumah penduduk miskin dan miskin tegar yang rosak telah dibaiki dan 22 buah kediaman yang tidak selamat diduduki telah dibina baru pada tahun 2011. Kerajaan Negeri akan meneruskan pelaksanaan program ini dengan peruntukan sebanyak RM1.25 juta pada tahun 2012.

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.25 juta bagi Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi dan Pembangunan Modal Insan yang bertujuan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi golongan miskin dan miskin tegar. Dalam usaha menambah keselesaan rakyat, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi menaik taraf pasar-pasar awam di Pulau Pinang bagi tahun 2012. Sebanyak 21 buah pasar awam telah berjaya dinaik taraf dengan peruntukan sebanyak RM5 juta pada tahun 2011.

Dalam usaha membantu golongan berpendapatan rendah, Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan dua (2) buah Pusat Dialisis CAT yang pertama di Pulau Pinang, satu di Balik Pulau dan satu lagi di Seberang Jaya. Pusat ini bertujuan memberi kemudahan rawatan kepada pesakit diabetis dengan subsidi RM30.00 bagi setiap sesi dialisis. Projek perintis ini melibatkan pembinaan sebuah pusat masing-masing di kawasan Pulau dan Seberang Perai.

## **KEMAMPANAN ALAM SEKITAR (PENANG MOST LIVEABLE CITY DI MALAYSIA)**

Inisiatif "Cleaner Greener Penang" yang dilancarkan sejak dua tahun yang lalu berjaya mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan hijau. Skop inisiatif ini diperluaskan merangkumi kebersihan tandas awam, di mana Kerajaan Negeri telah melancarkan Kempen Tandas Bersih pada 9 Mac 2012 untuk menggalakkan orang ramai mengamalkan budaya tandas bersih bagi meningkatkan kualiti hidup.

Dalam usaha untuk memelihara alam sekitar selaras dengan Protokol Kyoto, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Projek Clean Development Mechanism (CDM) di tapak pelupusan Pulau Burong bagi menangani isu-isu pengurusan sisa pepejal. Sebuah syarikat swasta yang berpengalaman telah dilantik melalui Request For Proposal secara tender terbuka untuk melaksanakan projek ini dan kini, sedang berjalan lancar.

Selaras dengan program Cleaner Greener Penang, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan program penghijauan dan keceriaan bandar melalui penanaman pokok, mewujudkan taman hijau, kerja-kerja landskap dan menaik taraf taman.

Bagi menangani masalah kemerosotan kualiti air sungai, Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada projek rawatan dan pemulihan kualiti air Sungai Pinang dan Sungai Juru dengan kos berjumlah RM2 juta. Ia melibatkan kerja-kerja pengorekan enapcemar di dasar sungai, pembinaan perangkap-perangkap sampah dan pengindahan kawasan persekitaran.

Usaha Kerajaan Negeri dalam mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, mampan dan selamat melalui inisiatif Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang telah membolehkan Pulau Pinang menjadi bandar raya paling sesuai didiami atau *the most liveable city* di Malaysia. Mengikut ECA International, Negeri Pulau Pinang buat pertama kali mencapai status lebih *liveable* daripada Kuala Lumpur pada tahun 2011 dan kejayaan ini diulangi semula pada tahun 2012. Sehubungan itu, Pulau Pinang menjadi bandar raya paling sesuai didiami di Malaysia dengan rumah mampu milik untuk golongan miskin yang paling bermutu.

## **KECEMERLANGAN SUKAN DAN BELIA**

Sebanyak RM2 juta diperuntukkan untuk pembangunan sukan tahun ini. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Program Pusat Cemerlang yang akan mula diketengahkan dalam program pembangunan sukan Negeri dan pembangunan Majlis Sukan Daerah mulai tahun ini bagi melahirkan atlet-atlet pelapis baru berumur 7 hingga 20 tahun.

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang akan menganjurkan 20 program sukan berbentuk *participative sport* bagi menggalakkan penyertaan dalam dan luar negara sepanjang tahun 2012. Para belia dan juga golongan wanita diberi pendedahan dalam bidang keusahawanan melalui program-program yang dianjurkan oleh Persatuan Bimbingan Pengusaha Pulau Pinang (Penang Entrepreneur Counselling Society).

## **MEMARTABATKAN AGAMA ISLAM**

Kerajaan Negeri telah meneruskan usaha-usaha murni untuk memartabatkan Islam sebagai agama rasmi negara selaras dengan peruntukan Perlembagaan Malaysia tanpa menjejaskan hak dan kebebasan beragama kaum lain di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri amat menghargai peruntukan sebanyak RM36 juta yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 bagi pembinaan Ibu Pejabat Tujuh (7) Tingkat Mahkamah

Tinggi Syariah Negeri Pulau Pinang. Pembinaan kompleks ini akan dilaksanakan di atas 3.49 ekar tanah bernilai 36.5 juta yang diberikan oleh Kerajaan Negeri di Jalan Scotland yang mampu menjadi mercu tanda yang baru di Negeri Pulau Pinang apabila ianya siap kelak. Kerajaan Negeri memperuntukkan jumlah paling tinggi dalam sejarah Pulau Pinang untuk Hal Ehwal Agama Islam iaitu sebanyak RM64.03 juta untuk tahun 2012. Penyediaan kemudahan bagi umat Islam beribadat dengan selesa akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Sebuah masjid daerah yang baru dibina iaitu Masjid Abdullah Fahim, Bertam bernilai RM25 juta yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dijangka mula digunakan pada bulan Jun 2012. Bagi tempoh dua (2) tahun akan datang, Kerajaan Negeri akan membina tujuh (7) buah masjid baru bagi menggantikan masjid-masjid sedia ada di Kariah Lahar Kepar, Sungai Gelugor, Tasek Junjong, Lahar Tabut, Simpang Tiga Tasek Gelugor, Telok Kumbar dan Sungai Acheh dengan anggaran kos berjumlah RM27.9 juta, iaitu RM21.9 juta ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dan RM6 juta ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Sememangnya menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan masjid bukan sahaja cantik dari segi reka bentuk bangunannya tetapi juga jumlah yang ramai untuk mengimarahkannya. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan Konsep Masjid Madani pada Majlis Sambutan Maal Hijrah pada 6 Februari 2012 yang lalu. Melalui konsep ini, masjid akan dijadikan sebagai pusat tumpuan umat Islam di tujuh (7) buah masjid yang dipilih sebagai perintis iaitu Masjid Negeri, empat (4) buah Masjid Daerah dan dua (2) buah Masjid Qaryah iaitu Masjid Bertam Indah, Kepala Batas dan Masjid Sungai Ara, Bayan Lepas.

## **HAL EHWAL WANITA**

Populasi wanita di Pulau Pinang mencapai 51% dan penyertaan wanita Pulau Pinang dalam bidang pekerjaan adalah 53.4% lebih tinggi berbanding 45.7% di Malaysia. Justeru, penubuhan Penang Women's Development Corporation (PWDC) Sdn. Bhd. pada bulan November 2011 jelas menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri yang tinggi untuk membangun dan memperkasa kepentingan dan peranan wanita dalam masyarakat. Dengan peruntukan RM1.5 juta setahun, membolehkan program berkaitan penyelidikan, dasar gender dan advokasi, pemerkasaan wanita serta pembinaan kapasiti dan jaringan dilaksanakan.

Antara projek perintis yang akan dianjurkan ialah Bajet Responsif Gender (Gender Responsive Budgeting) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai selama tiga tahun. Peruntukan berjumlah RM463,000.00 telah disediakan untuk pelaksanaan program ini bagi tahun 2012.

Kerajaan Negeri melalui MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti sedang berusaha mencari kaedah yang bersesuaian untuk menubuhkan Pusat Jagaan Kanak-Kanak, khususnya kepada pekerja kilang yang kurang berkemampuan. Setakat ini, terdapat dua (2) buah Pusat Jagaan Kanak-Kanak telah diwujudkan iaitu di Daerah Timur Laut dan Daerah Seberang Perai Tengah. Pelbagai program juga akan dianjurkan khusus kepada kaum wanita seperti Program Jadikan Pulau Pinang Penyusuan Susu Ibu (Penang Breastfeeding Friendly State) dan Bengkel Keusahawanan dan Kebudayaan Kreatif.

## **KEPIMPINAN JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KOMUNITI (JKKK) DAN KOPERASI**

Menyedari kepentingan JKKK sebagai agen perubahan bagi proses pembangunan negeri, Kerajaan Negeri sedang membangunkan sistem e-JKKK bagi memantapkan pengurusan dan pemantauan JKKK dengan lebih berkesan. Sistem e-JKKK ini, kini dalam peringkat percubaan, sebelum diguna pakai sepenuhnya oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Ia dijangka dilancarkan pada bulan Mei 2012.

Memperlihatkan potensi koperasi untuk berdaya saing serta mampu bertindak sebagai agen pembangunan sosio-ekonomi seiring dengan sektor awam dan swasta, Kerajaan Negeri merancang untuk menubuhkan Tabung Modal Pusingan untuk Koperasi Negeri Pulau Pinang dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00. Langkah ini adalah sebagai insentif bagi menggalakkan koperasi-koperasi menambahkan modal pusingan untuk memperluas dan memajukan lagi perniagaan, agar mampu meningkatkan pendapatan anggota-anggotanya.

## **PENTADBIRAN TANAH**

Pentadbiran tanah merupakan penyumbang hasil yang besar kepada Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2011, kutipan cukai tanah yang dapat dipungut sebanyak RM108.45 juta. Seterusnya, bagi memperkemaskan pentadbiran tanah, pelaksanaan sistem e-Tanah secara menyeluruh pada tahun ini akan memperkemaskan sistem penyampaian pentadbiran tanah serta mengurangkan karenah birokrasi. Pujian juga harus diberikan kepada Kerajaan Negeri di atas kejayaan mencapai 100% dalam menyelesaikan urusan pindah milik tanah dalam tempoh satu hari. Kejayaan ini telah meletakkan Pulau Pinang di antara negeri yang terbaik dalam urusan pertukaran hak milik.

## **PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN**

Pelaksanaan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang mula diperkenalkan pada tahun 2009 akan diteruskan setelah ia berjaya meningkatkan pendapatan masyarakat miskin dan membasmi kemiskinan melalui perniagaan. Sehingga kini, sejumlah 613 peminjam telah mendapat manfaat daripada program ini dengan jumlah keseluruhan pinjaman berjumlah RM2.15 juta.

## **PENUTUP**

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua penjawat Kerajaan Negeri, anggota keselamatan, khususnya pihak Polis yang telah mencatatkan beberapa kejayaan dalam operasi penguatkuasaan dan keselamatan. PDRM Pulau Pinang dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah berjaya menurunkan indeks jenayah di Negeri ini ke tahap yang paling rendah di Malaysia sehingga menjadikan Pulau Pinang di antara negeri yang terselamat di Malaysia. Tidak ketinggalan juga ucapan penghargaan saya tujukan kepada pihak Bomba dan Tentera yang turut terlibat dalam menjaga keselamatan awam. Saya juga berdoa semoga Negeri dan rakyat Pulau Pinang akan sentiasa dilindungi oleh *Allah Subhanahuwata'ala* serta terus membangun dan sejahtera.

Saya ingin menyeru kepada semua rakyat Pulau Pinang agar bersatu padu di bawah pimpinan pentadbiran Kerajaan Berjiwa Rakyat yang telah membawa perubahan dalam kehidupan rakyat.

Akhir kata, kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan seluruh anggota perkhidmatan awam, saya sekali lagi menyeru agar terus memikul amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh dedikasi, ikhlas, jujur dan berhemah tinggi demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat serta Negeri yang kita cintai ini.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

### **Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan akan meninggalkan Dewan ini sebentar lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput untuk bergambar bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Tun.



Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada hari Rabu 2hb. Mei 2012 jam 9.30 pagi.

**Setiausaha:**

Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan meninggalkan Dewan persidangan.

***Dewan ditangguhkan pada jam 10.45 pagi.***